

## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN	MUKA SURAT	:	44
TARIKH	:	5/11/2019			
JABATAN	:	UMUM			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

Sidang DUN Selangor

## Air percuma kekal 20 meter padu



Amirudin pada sesi soal jawab sidang DUN Selangor, di Shah Alam, semalam.

(Foto Saddam Yusoff/BH)

Kadar diberi cukup tampung keperluan satu keluarga sebulan, elak pembaziran

Oleh Khairul Azran Hussin  
khataz@bh.com.my

**Shah Alam:** Kerajaan Selangor tidak akan menungkatkan kadar air percuma menerusi Skim Darul Ehsan, sebaliknya mengekalkan 20 meter padu sebulan yang diberi pada masa ini.

Menteri Besar Amirudin Shari, berkata ini kerana kadar 20 meter padu yang dinikmati sekarang sudah mencukupi untuk menampung keperluan domestik satu keluarga seramai lima orang.

"Mengikut statistik Suruhanjaya Air Negara (SPAN), penggunaan air individu di Selangor Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah 222 liter sehari, iaitu 30 peratus lebih tinggi daripada kadar air disyorkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

sebanyak 164 liter sehari. "Jadi, peningkatkan pemberian air percuma kepada 30 meter padu boleh menyumbang kepada pengurangan sumber bekalan air tidak berhemat, sedangkan sumber bekalan air semakin berkurangan," katanya menjawab pertanyaan Harumahi Omar (BERSATU-Batang Kali) yang meminta kerajaan negeri meningkatkan kadar air percuma daripada 20 meter kepada 30 meter padu sebulan ketika sesi soal jawab sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di sini, semalam.

Menjawab pertanyaan Mohd Imran Tamrin (BN-Sungai Panjang) sama ada Skim Air Darul Ehsan akan diperluaskan kepada golongan M40, Amirudin berkata, kajian mendapati golongan itu berkemampuan membayar bil air.

"Golongan M40 di Selangor adalah rakyat yang menerima pendapatan builan lingkungan RM6,180 hingga RM12,469.

"Kerajaan Selangor berpandangan golongan M40 ini berkemampuan membayai bayaran RM11.40 untuk penggunaan air sebanyak 20 meter padu sebulan.

"Pada masa sama, kerajaan negeri ada menyediakan program kebajikan untuk kepentingan golongan M40 termasuk per-

khidmatan bas percuma, hadiah anak masuk universiti dan pelbagai lagi," katanya.

Pada Jumaat lalu, Amirudin ketika membentangkan Belanjawan Selangor 2020, berkata hampir 800,000 pemegang akaun Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dijangka menerima manfaat daripada Skim Air Darul Ehsan.

Beliau berkata, melalui skim berkenaan yang berkuat kuasa 1 Mac tahun depan, hanya isi rumah berpendapatan bawah RM4,000 akan menikmati air percuma bagi 20 meter padu setiap bulan.

**Peningkatan pemberian**

air percuma kepada 30 meter padu boleh menyumbang kepada penggunaan air tidak berhemat, sedangkan sumber bekalan air makin berkurangan.

Amirudin Shari,  
Menteri Besar Selangor